

15/10/1997

Amal sikap berjimat, menabung

Ahmad SN

BANDAR TENGGARA, Selasa - Ahli Umno dan rakyat diminta berjimat cermat, berbelanja sederhana dan lebih banyak menabung bagi membantu kerajaan mengatasi kejatuhan nilai ringgit dan saham.

Sehubungan itu, Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata tindakan penyangak ekonomi yang tidak bertanggungjawab memerlukan semua rakyat berusaha lebih gigih untuk melaksanakan agenda besar negara dalam menuju Wawasan 2020 serta memartabatkan maruah bangsa.

"Dengan mengukuhkan perpaduan, bergerak dalam satu pasukan serta bersatu menentang segala usaha yang cuba menggugat kestabilan politik dan ekonomi negara, kita mampu mempertahankan segala kejayaan yang dinikmati selama ini," katanya pada majlis meraikannya selepas dilantik Timbalan Menteri anjuran Umno bahagian Tenggara di sini, malam tadi.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Hal Ehwal Wanita dan Perpaduan negeri, Halimah Mohamed Sadique; dan Pemangku Ketua Umno bahagian, Mohamad Ameran Sohiran.

Hishammuddin yang juga Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia berkata, sokongan dan perpaduan rakyat terhadap pemimpin negara jelas dapat menyedarkan masyarakat dunia terutama penyangak ekonomi bahawa tindakan mereka tidak berhasil.

"Oleh itu, kita perlu mengukuhkan perpaduan kerana amalan ini dapat mengatur agenda ekonomi dan pentadbiran negara menempuh cabaran akan datang.

"Kita seharusnya kembali kepada perkara pokok, iaitu berjuang mengekalkan kestabilan politik bagi memastikan ada kesinambungan kepemimpinan dalam menghadapi cabaran abad akan datang," katanya.

Sehubungan itu, Hishammuddin menyelar media Barat yang kononnya maju tetapi cuba mengambil kesempatan menjahanamkan negara ini melalui tindakan cuba menyingkirkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)